

**KEBERKESANAN PERLAKSANAAN PROGRAM AGROTOURISM
DI SUNGAI SARANG BUAYA, MUKIM SUNGAI BALANG,
MUAR SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN.**

Oleh

SITI ZAINAH @ SURYANI BT. SALAMAT

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur

Institut Teknologi Mara,

Shah Alam

Oktober 1997

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI PENYAYANG.....

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat *ILAH*I kerana dengan berkat keizinan darinya, kajian akhir ini dapat disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih terutamanya kepada penyelia yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar di sepanjang penyediaan kajian akhir ini iaitu En. Rosmin bin Talib. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua agensi kerajaan dan swasta serta individu yang telah banyak membantu di dalam penyediaan kajian akhir ini terutamanya kepada pihak yang telah memberikan banyak maklumat dan panduan iaitu kepada :-

- i. En. Eliyas Saad (Peg. Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Johor Barat)
- ii. En. Esa bin Haji Othman (Pen. Pegawai Pertanian Negeri Johor)
- iii. En. Asman. Shah bin Abd. Rahman (Pengarah Jab. Pelancongan Negeri Johor)
- iv. Tuan Hj. Ahmad bin Kosnan (K. Pengarah Lembaga Penggalak Pelancongan Negeri Johor).
- v. En. Miskam (Pegawai Pertanian Daerah Pontian).
- vi. Semua kakitangan yang turut memberikan kerjasama.

Teristimewa sekali dan setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada keluarga dan tunang tersayang yang banyak memberikan galakan, bantuan dan sumbangan yang tidak terbalas dalam menyediakan kajian akhir ini.

Segala jasa baik yang telah diberikan adalah terlalu bernilai dan hanya Allah saja yang dapat membalasnya. Semoga Allah memberkati dan melindungi kalian sepanjang masa di atas berjuta pengorbanan yang telah dihulurkan.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Pelancongan merupakan salah satu sektor perdagangan yang telah memberikan sumbangan yang besar ke atas peningkatan ekonomi negara. Menyedari akan hakikat ini, kerajaan telah menggiatkan usaha untuk meningkat dan mempelbagaikan sumberjaya pelancongan. Memandangkan Malaysia masih kaya dengan kehijauan kawasan pertanian, maka pelancongan pertanian adalah satu sektor pelancongan yang mempunyai potensi tinggi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancong. Pelancongan pertanian merupakan satu sektor yang masih baru dan konsep sebenarnya adalah masih samar. Oleh itu sebagai menilai pembangunan kawasan pelancongan pertanian, kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan pelaksanaan agrotourism (pelancongan pertanian) bagi menarik kedatangan pelancong dengan rujukan khas kepada Sungai Sarang Buaya dimana ianya merupakan salah satu kampung yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Pertanian Johor sebagai kawasan yang berpotensi bagi pembangunan pelancongan pertanian. Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Johor Barat mempunyai peranan yang penting dalam membangun dan mengusahakan Sungai Sarang Buaya sebagai kawasan agrotourism. Bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan agrotourism di kawasan kajian, analisis dijalankan di dalam beberapa peringkat dimana pengukuran dibuat dengan melihat pencapaian perlaksanaannya dan juga mengenalpasti implikasi program dari aspek fizikal, sosial dan ekonomi penduduk di kawasan kajian. Seterusnya pengenalpastian masalah dilakukan untuk mendapatkan/mengenalpasti isu-isu yang berkaitan mengikut keutamaannya berdasarkan kaedah matrik perbandingan masalah. Hasil analisis menunjukkan pelaksanaan agrotourism di kawasan kajian tidak menunjukkan keberkesanannya, ini disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti kurangnya penglibatan penduduk kampung, masalah kewangan, kurangnya penyediaan kemudahan awam di kawasan kajian dan sebagainya. Kawasan kajian pada dasarnya mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang sebagai pusat agrotourism, ini memandangkan faktor sumberjaya yang terdapat di kawasan kajian dimana hasil-hasil pertanian seperti kelapa sawit, padi, kelapa dan sebagainya menjadi sumber pendapatan utama penduduknya. Selain daripada itu, faktor lokasi juga menunjukkan aspek potensi bagi kawasan kajian untuk membangun sebagai kawasan agrotourism. Bagi memastikan cadangan yang disediakan seiring dengan dasar kerajaan yang berkaitan dan juga berdasarkan isu-isu yang telah dikenalpasti, pendekatan pembangunan dibentuk dengan menggariskan beberapa strategi jangka panjang dan cadangan aktiviti-aktiviti agrotourism yang lainnya. Tujuan utamanya adalah untuk mempertingkatkan lagi keupayaan program agrotourism di kawasan kajian agar dapat mencapai matlamat yang sebenarnya.

Penghargaan	1
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Gambar	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkat Kata	vii

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	ms
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	4
1.3	Tujuan dan Objektif Kajian	7
	1.3.1 Tujuan Kajian	7
	1.3.2 Objektif Kajian	7
1.4	Skop Kajian	8
1.5	Kaedah Kajian	9
	1.5.1 Kajian Awalan	9
	1.5.2 Kajian Teoritikal	11
	1.5.3 Kawasan Kajian	12
	1.5.4 Analisis	13
	1.5.5 Cadangan	14

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Aktiviti pelancongan merupakan salah satu aset penting sebagai sumber pendapatan sesebuah negara dan menjadi sektor perniagaan utama dunia. Pelancongan akan menjadi fungsi pertumbuhan ekonomi dan sosial yang pesat menjelang abad ke 21.

Perancangan tarikan sumberjaya terhadap aktiviti-aktiviti pelancongan telah bermula daripada pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah dalam persidangan Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) pada tahun 1972 dan 1986. Keadaan tersebut telah menyebabkan perkembangan pembangunan pelancongan bertambah pesat dalam dekad 80-an hasil galakan daripada pihak kerajaan melalui pembentukan dasar-dasar khusus untuk sektor pelancongan (Rancangan Malaysia Ke – 4).

Sebuah kementerian iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah dibentuk oleh pihak kerajaan pada tahun 1987 bagi menggalakkan perkembangan sektor pelancongan dimana fungsinya adalah menangani hal-hal yang berkaitan dengan pelancongan. Secara tidak langsung, sektor pelancongan berfungsi